

13/04/2000

Larian khas di Dataran Merdeka

BERSANDARKAN kepada slogan `Malaysia Boleh', satu larian Piala Thomas dan Uber akan berlangsung di Dataran Merdeka, 7 Mei ini sebagai usaha menyemarakkan sokongan buat pasukan kebangsaan.

Larian itu dianjurkan oleh Gold Bridge Engineering and Construction Berhad - pemegang hak komersil pusingan akhir Piala Thomas-Uber 2000.

Pengarah Gold Bridge, Mustapha Hamid, berkata larian itu bertujuan menarik perhatian warga kota untuk turut sama memberi sokongan.

"Kami berharap dapat mengumpulkan lebih kurang 5,000 peserta untuk sama-sama menyokong skuad negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut memberi sokongan kepada acara itu dan dijangka menyampaikan hadiah kepada pemenang.

"Kami juga akan menyerahkan beribu-ribu tandatangan yang dikumpulkan sepanjang kempen `Malaysia Boleh' kepada Perdana Menteri," katanya.

Larian itu terbahagi kepada tujuh kategori - terbuka lelaki, senior lelaki veteran, junior lelaki veteran, terbuka wanita, wanita veteran serta remaja lelaki dan wanita.

Larian sejauh 7 kilometer itu menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM10,500.

Setiap peserta yang berjaya menghabiskan larian akan menerima lencana kejohanan yang istimewa di samping baju T.

Tiga telefon mudah alih dan beberapa hadiah menarik menanti peserta dalam acara cabutan bertuah.

Yuran pendaftaran untuk semua kategori kecuali kategori remaja lelaki dan wanita ialah RM10 manakala untuk dua kategori berkenaan RM5.

Borang boleh didapati di pejabat Persatuan Olahraga Amatur Wilayah Persekutuan (FTAAA) dan tarikh tutup penyertaan ialah 26 April.

(END)